



PANDORA PAPERS

The largest investigation in journalism history exposes a shadow financial system that benefits the world's most rich and powerful.

Anwar persoal Speaker tolak usul Kertas Pandora

8

TELUS & TULUS Sinar Harian

Penerima Anugerah Laporan Berita Cemerlang Kewartawanan Malaysia 2020

AGROBANK
AR-RAHNU AGROBANK
Dapatkan perlindungan takaful tanpa bayaran* sehingga

RM10,000.00
dengan pembiayaan Ar-Rahnu di Agrobank

Tempoh kempen 1 Oktober 2021 hingga 31 Disember 2021

*Tertokuk pada terma dan syarat

SELASA | 12 OKTOBER 2021 | 5 RABIULAWAL 1443H | BIL: 5412 | PP11200/02/2013 (031412) SH sinarharian.com.my SinarOnline SinarHarian SinarHarian @sinarharian RM1.50



TEMPOH PKP
18 MAC
2020
573
HARI

KES COVID-19 DI MALAYSIA

2,346,303 JUMLAH KES
6,709 KES BARUH
27,329 KES KEMATIAN
2,206,502 KES PULIH
45,650,714 SUDAH DIVAKSIN

JUMLAH KES SELURUH DUNIA
237,955,133



FOTO: BERNAMA

Kebenaran rentas negeri bakal rancakkan semula ekonomi

MASA UNTUK BANGKIT



MUKA 2 & 3

● Pergerakan orang ramai ke seluruh negara sama ada balik kampung atau melancong bakal merangsang aktiviti ekonomi dan perniagaan lebih-lebih lagi sebahagian besar perbelanjaan pelancongan domestik adalah untuk membeli-belah.

● Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) menjangkakan jumlah trafik meningkat kepada empat juta kenderaan sehari terutamanya pada cuti hujung minggu sekali gus membolehkan pertambahan pendapatan kepada semua rantai perniagaan di sepanjang perjalanan.

● Persatuan Hotel Malaysia (MAH) mengunjurkan kadar tempahan bilik penginapan meningkat sebanyak 40 hingga 45 peratus berbanding 20 hingga 25 peratus sahaja sebelum pergerakan rentas negeri dibenarkan.



EKSKLUSIF

Ceroboh hutan simpan kekal macam tanah sendiri

Pencerobohan Hutan Simpan Kekal di Selangor sejak puluhan tahun lalu terbongkar susulan penemuan struktur rumah batu dan kayu, tanaman selain kandang ternakan di kawasan yang digempur Jabatan Perhutanan Negeri Selangor (JPNS).

Lebih malang, kata

Pengarah JPNS, Datuk Ahmad Fadzil Abd Majid, perbuatan tersebut didalangi rakyat tempatan sendiri yang sesuka hati menebang pokok bagi membina rumah, bertani dan menternak.

12 & 13

JUALAN TIKET PENERBANGAN MELONJAK

Pengumuman kerajaan membenarkan perjalanan rentas negeri berkuat kuasa Isnin menyaksikan tiket penerbangan domestik 'laku keras'.

Syarikat penerbangan AirAsia misalnya mencatat lonjakan trafik tempahan sehingga

140 peratus sejak petang Ahad.

Ketua Pegawai Eksekutif AirAsia Malaysia, Riad Asmat berkata, antara destinasi yang mendapat permintaan tertinggi ialah Kuala Lumpur, Langkawi, Kota Kinabalu, Kuching, Kota Bharu dan Pulau Pinang.



4